

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
(JELUTONG)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah perancangan terdekat untuk memperkasa serta menaik taraf kelengkapan Primary Radar bagi kawalan keselamatan udara TUDM supaya ia dipaut rapat dengan Secondary Surveillance Radar (SSR) penerbangan awam untuk mengelakkan kejadian kelengahan seperti nahas MH370. Apakah teknologi baru seperti “Automatic Dependent Surveillance-Broadcast” (ADS-B) akan dipertimbangkan.

JAWAPAN:

Sistem radar lama yang dimiliki oleh TUDM telah dilengkapi dengan *Primary Radar* dan *Secondary Surveillance Radar* (SSR) bagi mengawasi ruang udara Malaysia. Manakala bagi *Automatic Dependent Surveillance-Broadcast* (ADS-B) ianya merupakan teknologi baru dan masih dalam tempoh percubaan oleh negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat. Sekiranya terdapat keperluan penggunaan sistem ADS-B pada masa akan datang, ianya akan dipertimbangkan untuk dilaksanakan.